

06/03/2001

Iktibar korban titian majukan agama, bangsa, negara

AMALAN korban sempena Aidiladha yang disambut hari ini amat luas pengertiannya. Perintah Allah ke atas Nabi Ibrahim supaya menyembelih anaknya, Ismail, bertujuan menguji ketabahan, ketaatan dan kesatuan hati seorang ayah, seorang isteri dan ibu, iaitu Siti Hajar, dan Ismail sebagai anak, dalam melaksanakan suruhan itu tanpa waswas. Ibrahim bersikap tegas kerana kebenaran, tabah menghadapi dugaan serta bertanggungjawab, manakala Siti Hajar pula taat kepada Allah dan suami, walaupun Ismail adalah anak kesayangan. Ismail pula terbukti seorang anak yang baik hasil bimbingan ibu bapanya. Semua umat Islam memang memahami pengajaran di sebalik amalan ini. Bagaimanapun, sekadar mengingatnya, tetapi tidak menghayatinya sebagai amalan hidup, belum cukup untuk memanfaatkan iktibar daripadanya.

Sebenarnya, pengorbanan bagi umat Islam bukan sekadar penghayatan setahun sekali ketika menyambut Aidiladha, sebaliknya adalah sesuatu yang tidak pernah berakhir. Oleh kerana negara aman dan stabil, kita tidak pernah melihat pengorbanan nyata dan ini menyebabkan kita semakin sukar memahami erti pengorbanan sebenar. Keadaan ini membuatkan kita leka dan mudah lupa diri. Dengan pelbagai peristiwa yang menimpa umat Islam di beberapa negara di dunia hari ini, kita sepatutnya insaf bahawa pengorbanan mereka adalah terlalu besar untuk dinilai. Walaupun, pengorbanan mereka kerana terpaksa, ia tetap mengajar kita supaya sentiasa bersedia. Kita perlu berkorban menyiapkan diri dengan setiap kekuatan lahir dan batin untuk membolehkan kita menjadi satu bangsa yang kuat. Hanya dengan cara itu saja kita dapat mempertahankan agama kita.

Pengorbanan sempena Aidiladha hendaklah dihayati sedalam-dalamnya. Pengorbanan kita hendaklah berlandaskan jalan yang benar kerana Allah. Adalah sia-sia pengorbanan jika melakukan perkara yang salah kerana terbukti ia tidak mendatangkan sebarang keuntungan. Tidak ada rakyat negara kita yang hidup begitu terdesak hingga memerlukan mereka mengorbankan harta dan nyawa. Sesungguhnya adalah amat menyedihkan apabila ada pihak tertentu yang menganjurkan supaya rakyat berdemonstrasi secara besar-besaran bagi menimbulkan keadaan kacau-bilau dalam negara. Meskipun ia mungkin dilihat oleh pihak berkenaan sebagai suatu bentuk pengorbanan, adalah jelas ia bukan dituntut oleh agama, sebaliknya sangat dikutuk kerana mewujudkan suasana permusuhan yang ditegah oleh Islam.

Kita perlu berkorban menyiapkan diri dengan setiap kekuatan lahiriah dan rohaniah untuk membolehkan kita menjadi satu bangsa yang kuat. Hanya dengan bangsa yang kuat saja kita dapat mempertahankan agama dan negara. Sebaliknya, perpecahan hanya akan menjadikan kita lemah dan mudah ditekan. Ke arah itu, ia memerlukan kita mengorbankan kepentingan diri demi merapatkan barisan ummah. Sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengorbanan juga menuntut kita mengetepikan perbezaan fahaman politik sambil membuktikan keinsafan kita dengan bersatu dan meningkatkan martabat agama kita serta memupuk hubungan baik dengan rakan-rakan kita daripada keturunan dan agama lain. Ia adalah antara pengorbanan yang akan membawa banyak kebaikan kepada negara dan rakyat.

(END)